



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
Malaysian Examinations Council



LAPORAN PEPERIKSAAN

STPM

Sejarah (940)

2024

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 25 227 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 69.39% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	4.68	2.06	3.65	4.12	9.14	9.85	16.28	7.61	4.05	7.95	30.61

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini adalah lemah. Terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- Calon hanya memberikan jawapan tanpa memberikan contoh dalam menghuraikan isi dan fakta.
- Calon tidak mengetahui fakta yang dikehendaki oleh soalan dan memberikan fakta yang tidak berkaitan dengan kehendak soalan.
- Calon membuat pengenalan dan kesimpulan esei jawapan yang umum.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan perkembangan masyarakat agraria di China sejak abad ke-16 hingga pertengahan abad ke-17. Calon sepatutnya menghuraikan perkembangan beberapa aspek seperti peningkatan kegiatan pertanian, pembukaan tanah pertanian baru, pemilikan tanah, sistem percukaian, pengenalan tanaman komersil dan teknologi pertanian baru. Soalan ini merupakan soalan pilihan calon. Namun demikian, kualiti jawapan kurang memuaskan kerana soalan ini memerlukan calon menjelaskan perkembangan masyarakat agraria di China tetapi jawapan calon lebih cenderung kepada ciri masyarakat agraria. Selain itu, calon juga lebih memfokuskan kepada teknologi pertanian dan bukan keseluruhan aspek perkembangan masyarakat agraria. Hal ini menyebabkan markah yang diperolehi tidak cemerlang. Jawapan calon juga tidak disertakan dengan contoh dan huraian yang memuaskan. Calon yang mendapat markah cemerlang adalah calon yang berjaya mengemukakan elemen perkembangan dengan memberikan hujah berserta contoh yang relevan.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon membincangkan perubahan yang dilakukan oleh Peter The Great di Rusia pada penghujung abad ke-17 hingga abad ke-18. Tugas soalannya memerlukan calon menjelaskan pembaharuan yang dilakukan oleh Peter The Great di Rusia seperti rombakan pentadbiran, perubahan ketenteraan, peluasan wilayah, pembangunan ekonomi dan pembangunan sosial. Soalan ini merupakan antara soalan pilihan ramai calon. Calon yang cemerlang berupaya membincangkan pelbagai aspek pembaharuan yang dilakukan oleh Peter The Great seperti menubuhkan majlis senat bagi menggantikan *Duma*, *Zemskii*, *Sabor* dan *Prikazi*. Contoh perluasan kuasa boleh diberi seperti mengalahkan Sweden bagi mendapatkan wilayah Estonia dan Livonia serta berupaya menghuraikan pembangunan sosial dari segi pendidikan dan agama dengan jelas dan baik. Namun, terdapat ramai juga calon yang gagal menjawab soalan ini dengan baik kerana hanya menjelaskan perubahan yang umum serta huraian yang longgar.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon membincangkan perkembangan perdagangan di Belanda pada abad ke-16 hingga abad ke-18. Calon seharusnya membincangkan bagaimana perdagangan di Belanda berkembang. Jawapan calon sepatutnya perlu membincangkan keupayaan Belanda menjalankan perdagangan di Eropah dan meluaskan jaringan perdagangan luar negara. Perdagangan di Belanda berkembang dari kegiatan mengimport barang dan dibantu oleh syarikat dagang. Calon sepatutnya, menjelaskan perkembangan perdagangan di Belanda yang bermula dari sektor pertanian dan penternakan serta dibantu juga oleh institusi kewangan. Prestasi calon yang menjawab soalan ini rendah kerana gagal memperolehi markah yang baik. Hal ini adalah kerana calon tidak berupaya menghurai perkembangan perdagangan di Belanda sebaliknya calon hanya menjelaskan ciri masyarakat maritim. Terdapat calon yang menghurai tentang masyarakat maritim di Portugal. Hal ini menyebabkan jawapan calon terpesong dan gagal mendapat markah yang baik. Selain itu, terdapat juga calon yang menghurai faktor perkembangan perdagangan di Belanda.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon membincangkan idea Jean Jacques Rousseau kepada perkembangan intelektual di Eropah pada abad ke-18. Jawapan calon seharusnya memperlihatkan idea-idea Jean Jacques Rousseau berdasarkan karya beliau iaitu *The Social Contract*, *Discourse on the Origin of Inequality*, *Emile* dan *Discourse on the Arts and Sciences*. Idea-idea beliau memaparkan kritikan terhadap kebebasan sains dan seni, idea pemikiran politik, menekankan kepentingan pendidikan awal kanak-kanak dan ketamadunan manusia. Soalan ini bukan soalan pilihan ramai calon, namun terdapat calon yang berjaya menggarap idea-idea Rousseau dengan cemerlang dan berjaya menghuraikan pemikiran berasaskan keempat karya utama Rousseau. Calon yang memperolehi markah rendah kerana tidak mempunyai pengetahuan tentang pemikiran Rousseau. Selain itu, ada calon yang menghuraikan idea tokoh Adam Smith dan terpesong dari kehendak soalan.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon membincang sejauh mana candu menjadi faktor yang merenggangkan hubungan China dengan Barat pada pertengahan abad ke-19. Bagi memenuhi kehendak soalan “sejauh manakah” calon seharusnya menghuraikan isi utama iaitu faktor candu serta perlu menghuraikan

faktor-faktor selain candu sebagai faktor lain yang turut menyumbang kepada kerenggangan hubungan China dengan Barat. Calon sepatutnya menghuraikan faktor-faktor yang merenggangkan hubungan China-Barat iaitu candu, konsep perdagangan yang berbeza, perundangan, pengaruh agama Kristian dan hubungan diplomasi. Calon yang berjaya memperolehi markah cemerlang merupakan calon yang berjaya menghujahkan faktor candu dengan baik serta turut membincangkan faktor-faktor lain dengan jelas. Namun, majoriti calon gagal menjawab soalan ini dengan baik menyebabkan markah yang diberikan dalam kategori amat lemah. Hal ini adalah kerana calon gagal memberikan hujah terhadap isi utama, iaitu candu serta tidak mempunyai pengetahuan tentang faktor kerenggangan hubungan antara China dan Barat. Terdapat juga calon yang memberikan jawapan faktor tercetusnya Perang Candu dan juga pemberontakan Boxer.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon membincangkan kesan Perang Dunia Kedua ke atas Jepun. Soalan ini merupakan soalan pilihan ramai namun majoriti calon gagal memberikan jawapan yang memuaskan kerana tidak menguasai pengetahuan mengenai kesan Perang Dunia Kedua ke atas Jepun iaitu perubahan pentadbiran, perubahan perlembagaan, pengenalan demokrasi, melemahkan kuasa ketenteraan, kesan ekonomi dan kesan sosial. Kebanyakan jawapan calon adalah bersifat umum seperti kesan kehilangan nyawa, kemusnahan bangunan, kehilangan tentera dan tidak merujuk secara jelas pasca perang di Jepun. Selain itu, terdapat juga jawapan calon yang tidak relevan dengan kehendak soalan. Calon memberikan jawapan seperti kesan-kesan Perang Dunia Pertama dan kesan Perang Dingin.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 23 221 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 65.46% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	3.42	2.76	4.50	6.58	9.90	7.70	14.30	5.28	5.25	5.40	34.90

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini adalah lemah. Terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- Calon kurang cermat dalam memahami kehendak soalan dan istilah.
- Calon tidak menguasai fakta-fakta asas sejarah Islam.
- Calon tidak menguasai subjek soalan dengan baik.
- Calon menjawab soalan dengan maklumat yang mereka tahu sahaja bukan memberikan jawapan seperti yang dikehendaki soalan.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon membahaskan pernyataan masyarakat Arab jahiliah sebagai masyarakat yang tidak bertamadun. Majoriti calon tidak dapat mengemukakan jawapan yang baik untuk soalan ini. Kehendak soalan ini memerlukan calon membahaskan masyarakat Arab jahiliah adalah masyarakat bertamadun walaupun pada hakikatnya masyarakat tersebut mengamalkan ciri-ciri negatif dalam kehidupan. Sebahagian besar calon memberikan jawapan masyarakat arab jahiliah tidak bertamadun. Jawapan calon sepatutnya ialah masyarakat jahiliah memiliki elemen ketamadunan dalam aspek kebendaan dan budaya seperti kemajuan dalam bidang petanian, perdagangan domestik dan antarabangsa, perusahaan, kebudayaan dan sastera serta sifat peribadi mulia yang selektif.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menilai sumbangan Khalifah Abu Bakar dalam membanteras golongan *al-Riddah*. Calon sepatutnya menyatakan tiga golongan *al-Riddah* iaitu, golongan murtad, nabi palsu dan golongan yang enggan bayar zakat. Paling penting calon perlu menilai usaha yang dilakukan

oleh Khalifah Abu Bakar dalam membanteras golongan tersebut. Usaha khalifah Abu Bakar yang perlu dinilai ialah aspek kepimpinan, kebijaksanaan dalam menyusun strategi menghadapi golongan *ar-Riddah* dan kejayaan melumpuhkan aktiviti golongan ini. Kelemahan calon ialah tidak memahami kehendak soalan. Calon tidak berjaya menilai usaha Khalifah Abu Bakar dan hanya menyenaraikan secara umum kegiatan golongan *ar-Riddah*.

Soalan 3

Soalan ini membincangkan perkembangan pendidikan di Aceh pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam. Skop jawapan bagi soalan ini adalah berkaitan dengan perkembangan pendidikan zaman pemerintahan tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat calon menjawab dengan memperihalkan jenis institusi pendidikan yang wujud pada zaman itu. Calon sepatutnya, membincangkan perkembangan pendidikan di Aceh seperti peranan sultan, sistem pendidikan, hierarki pendidikan, kurikulum, tenaga pendidik, aktiviti intelektual, perkembangan ilmu tasawuf dan tarekat serta peranan Aceh sebagai hub pendidikan serantau.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan sumbangan Imam al-Ghazali dalam bidang falsafah. Soalan ini menghendaki calon menghuraikan sumbangan Imam al-Ghazali dalam bidang falsafah seperti karya falsafah, menyelamatkan umat Islam daripada pengaruh falsafah Yunani, memurnikan kefahaman terhadap ilmu falsafah, mengklasifikasikan ilmu falsafah, memperkenalkan metodologi ilmu falsafah dan membahagikan golongan ahli falsafah kepada tiga golongan iaitu naturalis, teologi, dan ateis. Kelemahan calon dalam menjawab soalan ini ialah tidak menguasai isi jawapan dan tidak dapat memberikan contoh karya al-Ghazali dengan tepat.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon membincangkan reaksi masyarakat tempatan terhadap penjajahan British di Mesir pada akhir abad ke-19 hingga awal abad ke-20. Calon tidak menjawab seperti yang dikehendaki soalan kerana calon membincangkan faktor-faktor penentangan masyarakat tempatan terhadap British dan bukannya reaksi masyarakat terhadap penjajahan British di Mesir. Calon sepatutnya, membincangkan gerakan Islah yang dipimpin Syeikh Muhammad Abduh dan Syeikh Rashid Rida, gerakan ketenteraan yang dipimpin Urabi Pasha, kebangkitan golongan falahin, peranan akbar dan majalah yang berbaur anti-British, dan gerakan politik seperti lahirnya parti-parti politik yang nasionalis.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan hubungan British dengan pemimpin Arab untuk menghadapi kerajaan Turki Uthmaniyah pada era Perang Dunia Pertama. Jawapan calon tidak menepati kehendak soalan. Jawapan yang diberikan terlalu umum. Calon tidak mampu menjelaskan hubungan pemimpin Arab dengan British dalam misi pakatan melakukan penentangan terhadap kerajaan Turki Uthmaniyah. Tiada penjelasan dan contoh yang relevan dapat dikemukakan oleh calon. Calon sepatutnya, menjelaskan hubungan British dengan keluarga Saud, hubungan British dengan Sharif Hussain dan hubungan British dengan Amir Abdullah ibn Hussain.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 22 888 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 66.06% daripadanya telah lulus penuh.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	14.51	4.92	8.24	5.69	11.29	11.29	10.12	4.45	2.35	3.93	23.22

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini adalah sederhana. Terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- Calon gagal menulis bahagian pengenalan dan kesimpulan esei dengan baik.
- Calon tidak menyatakan fakta dengan jelas dan tepat.
- Calon menulis jawapan dengan tulisan yang sukar dibaca oleh pemeriksa.
- Calon menjawab soalan dengan memberikan pengetahuan yang sedia ada bukannya berdasarkan pengetahuan yang diperlukan menjawab soalan.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan ciri ekonomi tradisional yang diamalkan oleh masyarakat tempatan di Tanah Melayu sebelum peluasan kuasa British. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan dengan baik. Calon faham kehendak soalan. Antara ciri ekonomi tradisional yang harus dibincangkan ialah penglibatan pemerintah, kegiatan ekonomi bercorak sara diri, sistem tukar barang, tiada pengkhususan aktiviti pekerjaan, penggunaan peralatan tradisional, tiada lebihan hasil, amalan gotong-royong, pemilikan hamba dan penempatan penduduk yang mempengaruhi kegiatan ekonomi. Majoriti calon yang menjawab soalan ini mengemukakan jawapan yang amat baik dan cemerlang. Calon dapat mengemukakan sekurang-kurang lima fakta yang dikehendaki soalan dengan mengemukakan hujah yang mantap disertakan dengan contoh yang relevan. Selain itu, calon juga dapat membuat taakulan yang jelas terhadap fakta yang dibincangkan seperti yang dikehendaki oleh soalan. Namun, ada sebilangan kecil calon yang gagal menjawab soalan dengan tepat kerana menfokuskan perbincangan kepada kegiatan ekonomi sahaja.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon membincangkan faktor penentangan masyarakat tempatan terhadap campur tangan British di Negeri-negeri Melayu dari abad ke-19 hingga awal abad ke-20. Jawapan calon seharusnya meliputi aspek politik, ekonomi, dan sosial. Dari aspek taakulan pula, calon seharusnya memberi contoh-contoh penentangan di Naning, Perak, Pahang, Kelantan dan Terengganu. Soalan ini berada pada tahap sederhana sukar kerana calon diminta membincangkan faktor penentangan masyarakat tempatan terhadap campur tangan British di Negeri-negeri Melayu dari abad ke-19 hingga awal abad ke-20. Jawapan calon perlu merangkumi aspek politik, ekonomi dan sosial dengan merujuk kepada contoh-contoh penentangan yang berlaku di Negeri-negeri Melayu dalam tempoh berkenaan. Majoriti jawapan calon bersifat umum dan hujahan tanpa sandaran fakta atau peristiwa penentangan terhadap penjajah di Negeri-negeri Melayu. Kelemahan calon dipengaruhi pengetahuan yang cetek terhadap peristiwa sejarah yang berkaitan dengan kehendak soalan. Terdapat calon yang menyatakan faktor perluasan kuasa British di Tanah Melayu dan ada yang menjawab tentang penentangan di Sabah dan Sarawak serta penentangan terhadap Malayan Union.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon membincangkan sumbangan Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein terhadap pembangunan ekonomi Malaysia dari tahun 1970 hingga tahun 1976. Majoriti calon dapat mengemukakan jawapan yang baik dan cemerlang dengan memberikan fakta yang dikehendaki oleh soalan iaitu, peranan Tun Abdul Razak terhadap pembangunan ekonomi luar bandar, penubuhan agensi-agensi pembangunan seperti LPN, LKIM dan lain-lain, Dasar Ekonomi Baru, Pelaksanaan Rancangan Buku Hijau, penubuhan Bank Pembangunan Nasional dan penubuhan Petronas pada tahun 1974. Soalan ini juga menyumbang markah yang baik kepada calon. Ramai calon mampu menaakul dengan betul dan memberikan contoh yang tepat. Ada juga calon yang dapat memberikan contoh yang relevan seperti Rancangan-rancangan pembukaan tanah baharu, misalnya KEJORA, KETENGAH, DARA, dan UDA selain peranan oleh RIDA (MARA). FELDA juga salah satu agensi yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi tika itu seperti Lembaga Padi dan Beras serta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia yang sinonim dengan usaha pembangunan ekonomi ketika itu. Namun, ada segelintir calon memberikan hujah di luar latar masa yang dikehendaki soalan seperti sumbangan yang dilakukan oleh Tun Abdul Razak sebelum tahun 1970 seperti penubuhan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Penyata Razak, Penubuhan Agensi FELDA dan MARA, Rancangan Buku Merah dan lain-lain. Terdapat juga calon yang menjawab aspek yang berkaitan dengan DEB sahaja seperti pengenalan DEB, pembangunan infra struktur, peluasan pembukaan tanah menyebabkan jawapan calon berada di tahap lemah. Malah ada juga calon yang menjelaskan tentang sumbangan tokoh dalam bidang sosial seperti menubuhkan sekolah dewasa dalam usaha mengurangkan kadar buta huruf, membina sekolah-sekolah, dan pembangunan fizikal yang lain.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan susun lapis masyarakat di Vietnam pada abad ke-19. Antara fakta yang harus dibincangkan oleh calon ialah dengan menjelaskan peranan dua kelompok besar iaitu golongan memerintah dan diperintah. Golongan pemerintah diketuai oleh maharaja yang berada dilapisan paling tinggi, diikuti oleh *Quan/Mandarin* dan *Komun* selepas *Quan/Mandarin*. Selepas itu diikuti golongan diperintah iaitu rakyat jelata yang terdiri daripada para petani dan hamba yang merupakan kumpulan yang berada di lapisan terbawah. Soalan ini merupakan soalan popular

dalam kalangan calon. Ramai calon yang menjawab soalan ini dapat mengemukakan fakta yang dikehendaki soalan, memberi hujahan yang logik yang disertakan dengan contoh yang relevan. Calon juga dapat membuat taakulan yang baik dan membuat hubungkait antara setiap lapisan dalam struktur sosial masyarakat di Vietnam. Calon juga dapat menjelaskan peranan dan kedudukan maharaja, peranan dan kedudukan *Quan/Mandarin*, dan juga kedudukan serta peranan *Komun* serta peranan dan kedudukan rakyat jelata iaitu petani yang menyumbang kepada negara dari segi membekalkan makanan serta kedudukan hamba sebagai kelompok yang berada di lapisan terbawah.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menganalisis faktor penentangan masyarakat tempatan terhadap Belanda di Indonesia pada abad ke-19. Calon sepatutnya membincangkan faktor yang menyumbang kepada belakunya Perang Diponegoro, Perang Paderi, Perang Bone dan Perang Aceh dengan melihat faktor politik, ekonomi dan sosial. Tidak ada satupun calon yang dapat mengemukakan jawapan sebagaimana dikehendaki soalan. Kebanyakan jawapan calon bersifat umum seperti penindasan ekonomi Belanda terhadap orang tempatan, ancaman terhadap agama Islam dan diskriminasi terhadap orang tempatan. Hujahan calon dibuat secara kabur tanpa contoh yang relevan. Jawapan juga lebih terarah kepada perubahan ekonomi dalam dasar sistem kultur atau sistem tanaman paksa, memerihalkan peluasan agama Kristian yang dibawa oleh Belanda dan ada calon yang mengutarakan faktor gerakan nasionalisme, dan faktor peluasan Belanda di Indonesia pada abad ke-20. Kelemahan yang paling ketara pada jawapan calon adalah calon tidak dapat memahami kehendak skop tempat dengan betul dan tepat. Hampir keseluruhan calon hanya membincangkan faktor penentangan secara umum dan tiada contoh yang relevan. Malah jawapan calon terpesong dari kehendak soalan kerana calon hanya memfokuskan faktor yang membawa penentangan masyarakat tempatan terhadap Belanda sehingga tercetusnya Perang Jawa. Terdapat juga calon membincangkan peranan dan sumbangan Diponegoro dalam Perang Jawa. Jawapan yang dihasilkan jelas tidak berkaitan dan terpesong dari kehendak soalan. Ini jelas menunjukkan juga calon tidak memahami skop tempat dengan betul dan tepat. Hal ini menyebabkan jawapan calon lemah.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan dasar ekonomi Thailand dari tahun 1958 hingga tahun 2000. Calon sepatutnya membincangkan dasar pembangunan sektor ekonomi pertanian, industri berat dan ringan, Rancangan Pembangunan Lima Tahun, dasar import eksport dan pelaburan, dasar pembangunan luar bandar dan menggalakkan ekonomi sara diri. Jawapan calon bersifat umum dan menjurus kepada dasar ekonomi negara lain seperti Malaysia. Jawapan calon mengelirukan kerana kebanyakan calon menjelaskan perkembangan ekonomi Thailand secara berperingkat dalam tempoh tersebut. Kebanyakan calon gagal memberikan jawapan yang tepat seperti yang dikehendaki oleh soalan. Kebanyakan jawapan berkisar kepada perkembangan ekonomi Thailand mengikut fasa iaitu fasa satu hingga fasa empat. Walaupun setiap fasa itu merujuk kepada informasi ekonomi Thailand, namun ia tidak menjelaskan sepenuhnya dasar ekonomi Thailand dari tahun 1958 hingga tahun 2000.

LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM** 2024



**PENERBITAN
PELANGI** SDN. BHD.
(198201009396)

WISMA PELANGI

Lot 8, Jalan P10/10, Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

T: +603-8922 3993 E: customerservice@pelangibooks.com



Majlis Peperiksaan Malaysia

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488

E-mel: [ppa\[at\]mpm.edu.my](mailto:ppa[at]mpm.edu.my)